

Inkues kematian Muhammad Adib

# Mahkamah benar prosiding komital

Permohonan difail bapa Adib terhadap Peguam Negara

Oleh Norrasyidah Arshad  
norrasyidah@bh.com.my

**Shah Alam:** Mahkamah Koroner, semalam, membenarkan permohonan komital (menghina mahkamah) yang difailkan bapa anggota bomba, Mohd Kassim Abdul Hamid, terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas berhubung punca kematian anaknya, Muhammad Adib.

Koroner Rofiah Mohamad ketika membaca keputusannya, berkata selepas meneliti semua dokumen dan affidavit yang dikemukakan serta hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati wujudnya prima facie menjerus kepada penghinaan mahkamah.

Katanya, kes membabitkan Muhammad Adib adalah kes berprofil tinggi dan kepentingan awam

serta semua keterangan dalam prosiding direkodkan.

Rofiah berkata, mahkamah juga mendapati terdapat laporan media yang menunjukkan seolah-olah prosiding inkues yang sedang berjalan ketika itu, tidak berfungsi sedangkan ia berjalan lancar.

Berikutan itu, ramai pihak tidak yakin terhadap inkues berkenaan dan ia menyebabkan mahkamah berpendapat adanya asas untuk membenarkan komital yang dipohon terhadap Tommy dibenarkan.

"Dalam affidavit yang dikemukakan Pegawai Pengendali Hamdan Hamzah pada 3 April lalu (kematian Muhammad Adib disebabkan bukan dipukul mana-mana pihak), ia menjadi rentetan hingga ada gesaan supaya inkues ini digantikan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

"Ini menimbulkan persepsi terhadap inkues yang dijalankan oleh saya atas arahan Peguam Negara sendiri untuk mengetahui punca kematian Muhammad Adib.

"Ia meletakkan seolah-olah inkues ini sebagai satu permainan



Mohd Haniff bercakap kepada media di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam. (Foto Roslin Mat Tahir /BH)

wayang. Integriti dan ketelusan dipertikaikan," katanya.

Dalam keputusannya itu juga, Rofiah berkata, pendirian diambil Peguam Negara menunjukkan Muhammad Adib tidak dipukul dan ia dibentangkan dalam affidavit, namun keputusan prosiding inkues masih belum diputuskan.

Katanya, permohonan komital

itu dibenarkan juga turut berkait dengan isu pemberhentian peguam Syazlin Mansor, yang sebelum ini mewakili tiga pihak berkepentingan iaitu keluarga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM).

Selepas isu berkenaan, Syazlin

ketika ini hanya mewakili pihak keluarga Muhammad Adib sahaja.

Rofiah menetapkan 23 September depan sebagai tarikh pendengaran dan pengurusan kes, selain akan menentukan prosiding yang akan dijalankan nanti.

Katanya, pada tarikh berkenaan, beliau turut menentukan sama ada Tommy akan dibicarakan melalui affidavit atau datang sendiri ke mahkamah.

Sementara itu, peguam mewakili keluarga Muhammad Adib, Mohd Haniff Khatri Abdulla, ketika ditemui di luar mahkamah, berkata permohonan komital dilakukan bukan mahu memenjarakan atau mendenda Tommy.

Sebaliknya, beliau berkata, permohonan berkenaan dibuat bagi menuntut keadilan untuk anggota bomba itu selain menjernihkan keadaan sebelum keputusan inkues punca kematian Muhammad Adib diputuskan.

"Keluarga cuma mahu Tommy sebagai Peguam Negara untuk memohon maaf kepada mahkamah dan keluarga serta tidak menyalangi perbuatan itu," katanya.